

4-6-2026

Pulau Pinang laksana kadar tarif air baharu mulai 1 Julai



GEORGETOWN: Pulau Pinang akan melaksanakan kadar tarif air baharu bagi pengguna domestik dan bukan domestik bermula 1 Julai ini selepas pelaksanaannya ditangguhkan selama 12 bulan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan, Infrastruktur dan Digital negeri, Zairil Khir Johari, berkata pelarasan itu membabitkan 82 peratus pengguna domestik atau isi rumah yang menggunakan 35 meter padu air atau kurang setiap bulan, dengan kenaikan 8.5 sen atau RM2.55 sebulan.

Untuk julat penggunaan pertama, iaitu 20,000 liter pertama (20 meter padu), kenaikan hanya tiga sen, iaitu daripada 62 sen kepada 65 sen, manakala bagi penggunaan 20,000 liter hingga 35,000 liter (20 meter padu hingga 35 meter padu), kadar meningkat 13 sen daripada RM1.17 kepada RM1.30.

"Namun, purata pengiraan dibuat berdasarkan penggunaan 35 meter padu pertama kerana itu penanda aras yang lazim digunakan dalam struktur tarif," katanya pada sidang media di KOMTAR, di sini hari ini.

Zairil memaklumkan, meskipun berlaku pelarasan yang menyaksikan purata kadar air domestik bagi 35 meter padu pertama ialah 93 sen bagi setiap meter padu, Pulau Pinang masih menjadi negeri yang mempunyai tarif air paling murah.

Bagi pengguna bukan domestik pula, purata kadar tarif baharu bagi 500 meter padu pertama sebulan ialah RM2.28 bagi setiap meter padu.

Beliau berkata, pelarasan tarif itu perlu bagi memastikan perkhidmatan bekalan air yang mampan serta menyokong pelaburan berterusan dalam pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur air di negeri itu.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk K Pathmanathan, berkata pelarasan tarif itu tidak membabitkan rumah ibadat dan institusi kebajikan, sektor perkapalan dan lain-lain kategori.

Bagi pengguna yang mempunyai isi rumah besar, katanya, mereka boleh memohon rebat melalui Skim Rebate Mesra Keluarga ditawarkan PBAPP, iaitu rebat sebanyak RM20 pada setiap bil air dwibulanan bagi isi rumah yang layak.

Pada 30 Julai lalu, Kerajaan Persekutuanewartakan kadar air baharu untuk Pulau Pinang dan sembilan negeri lain serta Wilayah Persekutuan Labuan, namun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengarahkan PBAPP menangguhkan pelaksanaan kadar baharu itu selama setahun sehingga 1 Julai ini.